

Berita Manmin

NO. 44 21 SEPTEMBER 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan

*“TUHAN ialah gembalaku,
aku tidak akan kekurangan apa-apa pun.”
(Mazmur 23:1)*



Sembuh daripada Masalah ‘Trigger Thumb’

Jeong-sook Song | Perempuan, 61, Ansan, Wilayah Gyeonggi



Sejak bulan April tahun ini, saya mula mengalami kesakitan pada setiap kali saya membengkokkan ibu jari tangan kanan saya. Lama-kelamaan, saya hanya dapat membengkokkannya dengan tangan yang sebelah lagi. Kesakitan itu bertambah teruk dari hari ke hari dan amat menyukarkan kehidupan

seharian saya. Mengingat kembali satu kesaksian yang pernah saya dengar tentang situasi yang serupa, saya mencari maklumat melalui Internet dan mendapati bahawa keadaan saya ialah “trigger thumb”.

Pada bulan Mei, saya dijemput sebagai pekerja untuk menghadiri satu acara di pusat doa. Dengan penuh kerinduan untuk menerima kesembuhan semasa kunjungan itu, saya mempersiapkan diri dengan merenung kembali kehidupan saya. Saya menyedari bahawa saya sering bercakap dengan kasar dan tidak memperlakukan orang lain dengan lemah lembut, kekurangan kasih dan pertimbangan. Setiap kali saya menyedari kelemahan ini, saya berdoa dan bertaubat dengan bersungguh-sungguh.

Selain itu, semasa Ibadat Hari Minggu dan Perjumpaan Doa

Daniel, saya menerima doa daripada Pastor Soojin Lee dengan sungguh-sungguh. Dengan kerinduan, saya mempersiapkan diri saya dengan berpuasa satu hidangan sebelum pergi ke pusat doa. Setelah menghadiri acara di pusat doa dengan rahmat Tuhan dan pulang ke rumah, saya menyedari bahawa kesakitan pada ibu jari kanan saya telah hilang dengan sepenuhnya seolah-olah ibu jari saya tidak pernah sakit sebelum ini. Ibu jari saya dapat dibengkokkan seperti biasa dan dengan bebas. Haleluyah!

Sejak itu, saya langsung tidak mengalami kesakitan, dan saya dapat menggerakkan ibu jari saya dengan bebas tanpa sebarang kesulitan, membolehkan saya menjalankan tugas harian tanpa halangan. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah menyembuhkan saya.

Kanser Esofagus, Jantung, dan Sendi Pinggul... Tuhan Menyembuhkan Semuanya!

Gi-bong Park | Lelaki, 65, Daejeon, Wilayah Chungnam

Pada bulan Jun 2022, saya menjalani pembedahan kerana kanser esofagus. Pada bulan Mac 2023, semasa pemeriksaan rutin, doktor mengatakan bahawa terdapat banyak ketulan di dalam abdomen saya dan kemungkinan itu ialah metastasis. Sekitar waktu itu, saya mengenali Gereja Manmin Daejeon. Melalui GCN, saya menerima banyak rahmat semasa mendengar khutbah Pastor Emeritus Dr. Jaerock Lee dan Pastor Kanan Soojin Lee. Setiap kali saya mendengar ajaran, saya berasa diri saya diperbaharu, dan saya semakin mendambakan khutbah daripada kedua-dua pastor tersebut. Sejak itu, saya sentiasa menerima Doa untuk Orang Sakit.

Ketika saya mendengar Firman, kenangan daripada zaman kanak-kanak saya—seperti mencuri duit daripada poket ayah—muncul dalam ingatan, membuatkan saya bertaubat dengan sungguh-sungguh. Kemudian, pada 20 April tahun ini, saya secara rasmi mendaftar di Gereja Manmin Daejeon. Selepas itu, saya mendengar banyak khutbah, termasuk siri khutbah Pesanan Salib, dan saya sentiasa membuka saluran GCN ketika di rumah, berterusan menerima doa.

Apabila tiba masa untuk pemeriksaan berkala, saya pergi ke hospital. Doktor tiba-tiba berkata, "Semuanya bersih." Saya agak terkejut, lalu menjawab, "Ya," lalu berjalan keluar. Namun begitu, saya berasa sangat terkejut sehingga saya bertanya sekali lagi kepada jururawat. Dia menjelaskan bahawa ketulan di dalam abdomen saya telah hilang



sepenuhnya, itulah sebabnya doktor berkata sedemikian. Pada saat itu, saya diliputi rasa syukur dan sukacita, lalu air mata membasahi pipi saya. Haleluyah!

Selain itu, semasa pemeriksaan rutin pada tahun 2024, cecair ditemui di sekitar jantung saya. Saya sering berasa sesak nafas ketika berjalan dan terpaksa memperlambatkan langkah. Namun begitu, baru-baru ini, semasa menerima imbasan ultrabunyi di jabatan kardiologi, doktor kelihatan hairan dan berkata, "Cecair di sekitar jantung telah kering sepenuhnya." Haleluyah!

Tidak setakat itu sahaja. Sekitar sepuluh tahun yang lalu, saya terlibat dalam kemalangan motosikal selepas minum arak, yang menyebabkan sendi pinggul saya patah. Sejak itu, saya mengalami kesakitan selama sepuluh tahun. Oleh sebab kesakitan pada pinggul dan lutut, saya berjalan tempang. Apabila kesakitan menjadi teruk, saya tidak dapat tidur tanpa menampalkan pelekat pengurang sakit.

Pada suatu hari, saya mendengar bahawa gereja kami akan melawat tempat persemadian Pastor Emeritus dan

Puan Boknim Lee. Oleh sebab saya amat merindui Pastor Emeritus, saya turut serta dengan hati yang penuh kerinduan dan kesyukuran. Apabila kami tiba, saya berasa sangat tenang dalam hati. Selepas itu, semasa sesi persekutuan dengan Pastor Miyoung Lee, saya menerima doa beliau. Dalam perjalanan pulang dengan menaiki kereta, saya tiba-tiba menyedari bahawa sakit pada pinggul dan lutut saya telah hilang.

Pada kebiasaannya, apabila saya menaiki kereta lebih daripada satu jam, pinggul dan lutut saya akan terasa sakit dan kebas namun sama sekali tiada kesakitan pada hari itu. Apabila saya pulang ke rumah, saya kembali berasa sedikit tidak selesa. Namun begitu, semasa Retret Musim Panas, saya menerima doa untuk orang sakit daripada Pastor Soojin Lee, bersama dengan doa Pastor Miyoung Lee, lalu saya sembuh dengan sepenuhnya. Sejak itu, saya bebas daripada segala kesakitan dan dapat hidup dengan selesa.

Selain itu, masalah kaki atlet yang saya alami selama empat puluh tahun juga hilang selepas saya berulang-ulang kali menerima doa untuk orang sakit daripada Pastor Soojin Lee. Saya sendiri tidak tahu secara tepat tentang tarikh penyakit itu sembuh. Kini, semasa saya mendengar Firman dan berusaha untuk berubah, saya merasakan kasih Tuhan pada setiap saat. Hanya melihat bunga pun membuatkan saya berasa bahagia. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah menyembuhkan saya daripada semua penyakit.



'Hanya Alkitab' oleh Pastor Soojin Lee disiarkan melalui YouTube dalam pelbagai bahasa

ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah



Dialih suara dalam 6 bahasa (Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, dan Perancis) dan disarikatakan dalam 13 bahasa (Korea, Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romania, dan Ibrani).

** Anda dapat menonton 'Hanya Alkitab' hanya dengan mengimbas kod QR.

Telinga Kanan Saya, yang Tidak Dapat Mendengar Selama 30 Tahun, Kini telah Terbuka!

Jeong-il Baek | Lelaki, 69, Siheung, Wilayah Gyeonggi



Sejak kecil, telinga kanan saya memang lemah. Saya tidak dapat menggunakannya untuk menjawab panggilan telefon, dan apabila isteri saya memanggil saya, saya sering tidak dapat mendengarnya dengan jelas. Apabila saya pergi ke hospital, doktor mengatakan bahawa tiada rawatan untuk memulihkannya. Oleh itu, saya hidup dalam keadaan ini selama lebih 30 tahun. Semasa Retret Musim Panas Manmin pada bulan Ogos, saya benar-benar mendambakan kesembuhan. Selama tujuh hari saya berpuasa satu hidangan pada setiap pagi, mendengar khutbah Pesanan Salib, dan merenungkan diri sendiri. Saya juga menghadiri setiap Perjumpaan Doa Daniel tanpa gagal, bertaubat dan

berdoa dengan bersungguh-sungguh.

Pada 4 Ogos, semasa Ibadat Pembukaan Retret, sebaik sahaja saya duduk, air mata rahmat mula mengalir tanpa dapat saya kawal. Pada malam yang sama, selepas khutbah oleh Pastor Soojin Lee dan semasa beliau mendoakan orang sakit, saya menerima doa beliau dengan sepenuh hati.

Selepas doa itu, saya menutup sebelah telinga untuk menguji telinga saya—lalu sesuatu yang menakjubkan berlaku. Isteri saya yang duduk di sebelah saya bertanya, “Mengapa kamu asyik menutup telinga? Kamu dah sembuh?” Pada saat itu, saya mendengar suaranya dengan jelas. Saya berkata kepadanya dengan penuh sukacita, “Ya, saya sudah sembuh.” Haleluyah!

Kini saya dapat mendengar dengan jelas semasa berbual melalui telefon, dan perbualan berlangsung dengan lancar. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah memulihkan pendengaran saya yang telah hilang selama 30 tahun.

Gegendang Telinga Saya, yang telah Bocor, Kini Sedang Dipulihkan!

Deok-soon Song | Perempuan, 82, Yeongdeungpo-gu, Seoul

Sejak musim luruh tahun 2023, saya mula mendengar bunyi bising di dalam kedua-dua telinga saya, dan bunyinya begitu kuat sehingga saya tidak dapat bertahan. Pada bulan Disember 2024, saya pergi ke klinik ENT untuk pemeriksaan, dan doktor memberitahu bahawa gegendang telinga saya pada kedua-dua belah telah bocor. Dia juga menjelaskan bahawa apabila gegendang telinga telah bocor atau berlubang teruk, walaupun pembedahan rekonstruktif dilakukan, tiada jaminan untuk pemulihan penuh pendengaran.

Disebabkan bunyi bising yang berterusan, saya menjadi sangat sensitif, dan sukar sekali untuk saya tidur pada waktu malam. Pada setiap malam, saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel, dan berdoa dengan bersungguh-sungguh, “Tuhan, tolong pulihkan gegendang telinga saya yang telah bocor ini.” Semasa Ibadat Hari Minggu dan Perjumpaan Doa Daniel, saya menerima doa daripada Pastor Soojin Lee dengan iman, dan menjawab dengan

“Amin.”

Kemudian, pada penghujung bulan Julai, saya mula dapat tidur dengan nyenyak pada waktu malam, dan bunyi bising di dalam telinga saya semakin berkurangan. Apabila saya kembali ke hospital untuk pemeriksaan semula, doktor tiba-tiba terkejut dan berseru, “Oh! Sudah aktif!” Apabila saya bertanya, “Apakah yang sudah aktif?” dia menjawab bahawa gegendang telinga saya sedang terbentuk dan sedang berkembang. Haleluyah! Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah melakukan mukjizat yang luar biasa ini dalam hidup saya.



Tujuh Ayat Terakhir di Kayu Salib

1. “Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka.”

Kebanyakan orang, apabila saat kematian mereka semakin hampir, akan merenung kembali kehidupan yang telah dilalui oleh mereka dan meninggalkan kata-kata terakhir kepada keluarga dan orang sekeliling. Begitu juga, apabila seseorang menulis autobiografi atau buku, penulis biasanya menyampaikan mesej utama karya itu pada bahagian penutup. Dengan cara yang sama, Yesus, yang datang ke dunia ini sebagai Firman yang telah menjadi manusia, telah mengucapkan tujuh ayat yang merangkumkan segala pekerjaan-Nya secara menyeluruh sebelum menghembuskan nafas terakhir di kayu salib. Ayat-ayat ini dikenali sebagai Tujuh Ayat Terakhir di Kayu Salib.

Apakah maksud rohani yang terkandung dalam tujuh ayat terakhir yang seperti wasiat terakhir Yesus?

Ayat pertama ialah “Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka.”

Sebab utama Yesus, Anak Tuhan, menderita hukuman penyaliban yang kejam adalah kerana dosa umat manusia. Sejak kejatuhan Adam, semua manusia telah dilahirkan dengan sifat berdosa dan berdiri sebagai orang yang berdosa di hadapan Tuhan. Mereka sepatutnya menerima penghakiman Tuhan yang adil, iaitu “ganjaran dosa ialah kematian.”

Walau bagaimanapun, Tuhan Yang Maha Kasih telah mengutus Anak Tunggal-Nya, Yesus, ke dunia ini untuk

“Yesus berkata, ‘Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka.’”

...

“Yesus berseru dengan kuat, ‘Ya Bapa, Aku menyerahkan roh-Ku ke dalam tangan-Mu!’ Setelah berkata demikian, Dia pun menghembus nafas-Nya yang terakhir.

Lukas 23:34-46

menyelamatkan manusia yang berdosa. Sebagai Seorang yang tidak berdosa, Yesus telah menanggung segala hukuman dan penderitaan yang sepatutnya diterima oleh orang yang berdosa. Tanpa mengetahui kebenaran ini, para tentera Roma dan orang Israel mencemuh dan memperolokkan-Nya di kayu salib seolah-olah Dia ialah penjenayah paling keji.

Walaupun di tengah-tengah kesakitan dan penghinaan yang sangat dahsyat itu, Yesus menunjukkan kasih yang luar biasa. Dia tidak menyimpan dendam atau mengutuk orang yang memaku-Nya ke kayu salib dan menghina-Nya. Sebaliknya, Dia mempersembahkan doa syafaat: “Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka.” Doa ini bukan sahaja doa untuk orang yang menyalib dan mengejek-Nya, tetapi juga untuk seluruh umat manusia yang hidup dalam kegelapan. Disebabkan doa

syafaat Yesus yang penuh kasih ini, tidak terkira banyaknya jiwa telah menerima keselamatan.

Yesus, yang menderita di kayu salib tanpa dosa dan berdoa dengan kasih untuk orang yang berdosa, menghendaki agar anak-anak Tuhan yang percaya kepada-Nya juga mengasihi dan mengampuni semua orang. Itulah sebabnya Dia mengajar kita berdoa dalam Doa Tuhan Yesus, “Ampunkanlah kesalahan kami sebagaimana kami mengampuni mereka yang bersalah terhadap kami.” (Matius 6:12) Selain itu, walaupun kita dianiaya, Yesus mahu kita tidak membalas dengan kejahatan atau menyimpan dendam, tetapi membalas dengan kebaikan (rujuk Matius 5:44-45).

Kasih dan pengampunan seperti ini memang mustahil dicapai dengan kekuatan manusia semata-mata, tetapi hal dapat kita lakukan dengan pertolongan Roh Kudus. Hari demi hari, kita perlu merenungkan Firman Tuhan dan berdoa agar hati kita dapat menyerupai hati Tuhan Yesus. Walaupun kita disakiti atau dikhianati, pengampunan dan pendamaian yang sejati dapat berlaku apabila kasih Kristus memenuhi hati kita.

Oleh itu, sebagai orang yang telah menerima keselamatan, anak-anak Tuhan harus mengikuti teladan Yesus yang mengasihi bahkan orang yang menyalibkan dan mengejek-Nya. Kita bukan sahaja harus mengasihi saudara seiman, tetapi juga mengampuni dan mengasihi musuh kita.

< Bersambung >



Perjumpaan Kesembuhan Ilahi

Peluang Istimewa untuk Kesihatan dan Kebahagiaan anda!

Kesembuhan dan jawapan yang melimpah melalui karya Roh Kudus yang penuh kuasa!

Sertailah kami dan alami mukjizat baru yang akan berlaku dalam hidup anda!

Semasa Ibadat Sepanjang Malam Hari Jumaat pada 25 September, jam 11 malam

Pengkhutbah:

Pastor Kanan Dr. Soojin Lee

Siaran langsung melalui GCN TV! (www.gcntv.org)